



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(4)

Tarikh : 19 April 2019

KENYATAAN MEDIA

PENANG HILL HERITAGE FOREST CHALLENGE 2019

'Penang Hill Heritage Forest Challenge' 2019 kini kembali lagi untuk tahun ke-6! Para pengembara dan pelari dipelawa untuk menandakan kalendar bagi acara yang mengujakan ini.

Sejak dilancarkan pada tahun 2014, 'Penang Hill Heritage Forest Challenge' telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan menjadi acara sukan kegemaran yang dapat menarik minat para pengembara dan pelari yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat.

Para peserta yang ingin menyertai acara ini perlu bersedia dan menjalani latihan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan kawasan serta ketinggian supaya berpeluang untuk dinobatkan sebagai juara acara ini.

Pada tahun ini, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) menganjurkan acara *Penang Hill Heritage Forest Challenge* kali ke-6, dengan kerjasama *Actifestyle Concept*, Persatuan Penduduk Bukit Bendera dan Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang. Acara ini disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di bawah naungan Exco Belia & Sukan YB Soon Lip Chee.

Tujuan acara ini adalah untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah sebuah destinasi eko-pelancongan yang popular, serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar dan pemuliharaan warisan di Bukit Bendera.

Cabaran sejauh **15.5 km** ini dibuka kepada orang ramai yang mempunyai stamina tinggi bagi membolehkan para peserta merentas laluan yang mencabar ini. Peserta akan melalui laluan hutan yang berusia 130 juta tahun, bermula dari kuari di Taman Botani hingga *Summit Road* di puncak bukit. **Peta laluan perlumbaan dilampirkan bersama kenyataan media ini.**

PENANG HILL HERITAGE FOREST CHALLENGE 2019

Tarikh : 25 Ogos 2019

Masa : 7:00 pagi – 1.00 tengahari

Permulaan Larian : Taman Rekreasi Kuari, Taman Botani

Garisan Penamat : Dataran, Stesen Atas Bukit Bendera

Penyertaan

Pihak penganjur berharap acara ini dapat menarik minat 1000 orang peserta. Pendaftaran dibuka untuk rakyat Malaysia dan pemegang i-kad / permit visa MM2H berdasarkan kategori seperti dibawah:-

Kategori	Umur
A) Terbuka Lelaki	18 - 34 tahun
B) Junior Veteran Lelaki	35 - 50 tahun
C) Senior Veteran Lelaki	50 tahun dan keatas
D) Terbuka Wanita	18 – 39 tahun
E) Veteran Wanita	40 tahun dan keatas
F) Ikad/ MM2H	Terbuka

- Umur dikira pada 25 Ogos 2019.
- Jika kurang daripada lima puluh (50) penyertaan yang diterima pada tarikh tutup, pihak penganjur berhak mengubah kategori peserta kepada kategori lain.
- Untuk Kategori F, jika kurang daripada lima puluh (50) penyertaan yang diterima pada tarikh tutup, pihak penganjur berhak untuk membatalkan dan membayar balik yuran pendaftaran kepada peserta.

Hadiah Wang Tunai

Hadiah wang tunai akan ditawarkan kepada pemenang bagi kesemua 6 kategori seperti berikut:

Kategori	Hadiah Wang Tunai
Tempat Pertama	RM1500
Tempat Kedua	RM1000
Tempat Ketiga	RM 500
Saguhati x 5	RM 200

Pemberian lain

- Semua peserta akan menerima pingat penamat larian dan e-Sijil pengiktirafan.
- Semua peserta yang berjaya menamatkan larian berpeluang mendapat hadiah cabutan Bertuah



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

Yuran Pendaftaran

Yuran pendaftaran adalah **RM40** seorang, pendaftaran secara dalam talian hanya di <http://www.actifestyle.com/events/pghillchallenge2019> , terma dan syarat akan dikenakan. Setiap peserta akan menerima beg saguhati dan baju t-shirt yang boleh diambil di Pejabat PBBPP semasa waktu pejabat, pada jam 8:00 pagi - 5:00 petang, bermula 22 Ogos - 24 Ogos 2019.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 7 Julai 2019

Orang ramai dijemput untuk menyertai larian ini sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat dengan menyertai acara yang bermakna ini. PBBPP akan terus menganjurkan acara dan aktiviti sukan di Bukit Bendera bagi mempromosikan gaya hidup yang aktif dan sihat.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay
Perbadanan Bukit Bendera
Tel : 04 – 828 8880
shkoay@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Perbadanan Bukit Bendera
Tel : 04 – 828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Izatul Aziah Ismail
Perbadanan Bukit Bendera
Tel : 04 – 828 8880
izatul@penanghill.gov.my